

23 JUL 2002

SABAH MENUJU SASARAN CAPAI HASIL BALAK RM155 JUTA

KOTA KINABALU, 23 Julai (Bernama) -- Sabah sedang berada pada landasan betul mencapai sasaran hasil balak RM155 juta daripada industri perhutannya tahun ini, kata Menteri Kewangan Datuk Musa Aman hari ini.

Musa yang mengetuai jawatankuasa kabinet mengenai hasil hutan, berkata jawatankuasa itu setakat ini telah mengadakan dua kali pertemuan dengan wakil industri dan membincangkan serta memutuskan mengenai struktur royalti ekport pelbagai jenis dam saiz balak.

"Kami (jawatankuasa dan industri) akan berjumpa dari semasa ke semasa untuk membincangkan royalti eksport balak mengikut harga pasaran...jika perlu dikaji semula, kita akan melakukannya, " katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Seminar separuh hari itu dianjurkan oleh Majlis Bahasa dan Sastera Sabah, Biro Hal Ehwal Agama Umno dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ditanya mengenai pencapaian industri itu setakat ini, Musa berkata: " Kita sedang menghampiri sasaran dan saya yakin menjelang hujung tahun ini kita akan mencapai jumlahnya."

Jawatankuasa mengenai hasil hutan itu dibentuk pada Januari dengan tugas utama memastikan unjuran hasil sebanyak RM155 juta tahun ini dapat dicapai.

-- BERNAMA

JS JK RON